



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR
PROGRAM SIJIL PERTANIAN TAHUN 2025
SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KE-13**

21 MEI 2025 | RABU

**DEWAN BESAR
INSTITUT PERTANIAN SERDANG, SELANGOR**

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani,

1. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang penuh bermakna ini—Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Program Sijil Pertanian Sesi 2022/2024, yang diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-13 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan atas jemputan yang diberi untuk bersama-sama meraikan kejayaan para pelajar yang cemerlang pada hari ini

*Sampan kolek mudik ke hilir,
Sarat muatan rempah dan jamu,
Layar dikembang, senyum diukir,
Menyambut tuan datang bertamu.*

Yang dikasihi para pelajar, ibu bapa yang budiman serta hadirin sekalian,

3. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan, bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam pembentukan sahsiah diri sepanjang dua tahun mengikuti pengajian di Institut Pertanian.

4. Seramai 13 orang pelajar akan menerima anugerah dalam pelbagai kategori pada hari ini. Anugerah ini merupakan satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha gigih serta komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh para pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka. Mereka juga bakal dianugerahkan Sijil Pertanian pada Majlis Konvokesyen yang akan berlangsung esok.
5. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada para ibu bapa dan keluarga yang telah menjadi tulang belakang kejayaan para pelajar ini. Sokongan moral, dorongan berterusan serta doa yang tidak pernah putus telah membuahkan kejayaan yang sangat membanggakan.
6. Ucapan syabas dan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah yang sabar dan komited dalam mendidik, membimbing serta mencurahkan ilmu kepada para pelajar. Jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan amatlah besar ertinya dan wajar dicontohi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Anugerah Kecemerlangan yang diperkenalkan sejak tahun 2007 ini melibatkan tiga kategori utama, iaitu Anugerah Kepujian Ketua Pengarah Pertanian, Anugerah Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Anugerah Kecemerlangan Pengkhususan.

7. Penganugerahan ini bertujuan menggalakkan pelajar Institut Pertanian Malaysia untuk terus mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik, selaras dengan matlamat Institut Pertanian untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi serta menepati keperluan industri. Ini juga sejajar dengan usaha memartabatkan bidang pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia.

Hadirin sekalian,

8. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus komited memperkasa peranan Institut Latihan Pertanian dengan memberi fokus kepada pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi melalui program teknikal dan vokasional berteraskan teknologi pertanian moden. Ini termasuk pelaksanaan kursus-kursus baharu seperti automasi, pertanian pintar, serta pengurusan rantai nilai makanan.
9. KPKM turut merangka pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan sehingga 80% pada tahun ini. Ini termasuk program pepadanan kerjaya, penganjuran kursus berkaitan industri dan kolaborasi strategik bersama pihak swasta dan akademik. Langkah ini dijangka dapat memperkukuh penyertaan graduan tempatan dalam sektor pertanian, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan industri agromakanan negara.

10. Dalam masa yang sama, kementerian turut menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan insentif khususnya dalam industri eksport buah-buahan seperti durian, nangka dan rambutan untuk membolehkan para usahawan tempatan bersaing di peringkat antarabangsa.
11. Saya yakin dan percaya bahawa dengan kemudahan, insentif dan peluang yang tersedia—sekiranya dipadukan dengan keyakinan diri serta daya tahan menghadapi cabaran—para graduan akan mampu mencipta kejayaan dalam dunia kerjaya dan keusahawanan, khususnya dalam bidang pertanian moden.

Para pelajar yang dikasihi,

12. Anda semua merupakan antara yang terpilih daripada ribuan permohonan untuk mengikuti pengajian di Institut Pertanian. Oleh itu, besar harapan kami agar anda terus menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara dengan ilmu, kemahiran dan semangat jati diri yang tinggi.
13. Sebagai graduan yang bakal menggenggam sijil esok hari, tanamkan tekad untuk menjadi individu yang sentiasa dahagakan ilmu. Gunakanlah segala pengetahuan yang diperolehi untuk manfaat diri, keluarga, masyarakat dan negara. Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang diamalkan dan disebarkan.
14. Ingatlah, kejayaan hari ini bukanlah noktah pencapaian, tetapi permulaan kepada perjalanan yang lebih mencabar. Jangan kita leka dengan kejayaan yang diraih, sebaliknya terus berusaha

menambah ilmu, mencipta inovasi dan mengekalkan kecemerlangan dalam setiap langkah kehidupan.

*Kuda berlari jangan dikejar,
Kalau dikejar membawa onar,
Jadi pelajar rajinlah belajar,
Masa depan kalian pasti bersinar,*

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Program Sijil Pertanian Tahun 2025** sempena **Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-13 KPKM.**

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t.